

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (81)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2014/2014-2015)
BILANGAN 8 TAHUN 2014**

Tarikh	: 30 September 2014 (Selasa)
Masa	: 10.00 Pagi – 12.45 Petang
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampirkan kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

- 2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 12 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Ogos dan September tahun 2014.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

3.1 KAJIAN CORRUPTION PERCEPTION INDEX

Kajian *Corruption Perception Index* oleh Transparency International ke atas 176 buah negara meletakkan Denmark, Finland dan New Zealand di kedudukan 3 tangga teratas negara yang menunjukkan peratusan korupsi yang baik. Indeks kajian ini berdasarkan kepada 13 sumber yang melibatkan kepada pelbagai bidang seperti sosio budaya, sosio ekonomi serta geografi muka bumi. Kuala Lumpur mencatatkan peratusan di tangga ke-10 di peringkat Asia Pasifik dan ke 54 keseluruhannya berbanding negara New Zealand, Singapura dan Australia yang memacu di tiga tangga teratas.



Begitu juga dengan tahap kemajuan sesebuah negara ianya bukan sahaja dinilai daripada aspek kekuahan ekonomi tetapi merangkumi aspek ketelusan dan **INTEGRITI** yang dimiliki institusi-institusi negara tersebut termasuklah institusi sektor awam. Mengungkap kata-kata Warren Buffet, tokoh pelaburan tersohor dunia, “*in looking for people to hire, you look for three qualities: integrity, intelligence and energy. And if they don't have the first, the other two will kill you*”.

Integriti perlu dilihat dan dihayati dalam konteks yang lebih luas. Integriti bukan sahaja bermakna kita perlu menjauhkan diri dari amalan-amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Konsep integriti membawa maksud kepada nilai-nilai amanah, boleh dipercayai, jujur, taat dan mempunyai sifat-sifat keperibadian yang teguh. Integriti juga bererti sentiasa menghargai serta memelihara kepentingan organisasi dan hak orang awam. Malahan, kepentingan organisasi, perkhidmatan serta negara hendaklah mengatasi kepentingan diri sendiri.

Bagi mencapai dan menepati agenda kebangsaan dalam aspek pembangunan modal insan berkualiti, adalah amat penting bagi perkhidmatan dalam organisasi mempertingkatkan nilai etika integriti dalam organisasi sejajar dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dirangka berlandaskan hasrat Kerajaan bagi memperkasakan dan memantapkan nilai etika dan integriti keseluruhan perkhidmatan.

Seiring itu, dalam usaha melahirkan sebuah jentera perkhidmatan perbandaran yang efektif Majlis terus memberi tumpuan kepada usaha-usaha mempertingkatkan akauntabiliti dan keutuhan tadbir urus. Ahli-ahli Majlis dan seluruh warga kerja Majlis yang diamanahkan dengan pelbagai kuasa dan sumber awam adalah berkewajipan melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan telus, cekap dan sempurna berpandukan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan, demi merealisasikan aspirasi dan ekspektasi masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

Menyedari hakikat ini, Majlis terus berusaha memantapkan pelaksanaan mekanisma akauntabiliti dan keutuhan tadbir urus melalui Jawatankuasa Keutuhan, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat, memperkuatkannya pengurusan kewangan, memperkemaskan pengurusan kualiti dan produktiviti juga memantapkan pengendalian pengaduan awam.

PELAKSANAAN SISTEM JALAN SEHALA DI JALAN SULTAN-JALAN BARAT- JALAN UTARA – JALAN TIMUR - JALAN YONG SHOOK LIN, PETALING JAYA

Isu utama pembangunan MAMPAN adalah hubungkait antara pengangkutan dan guna tanah. Sistem pengangkutan memberi kesan besar kepada corak guna tanah terutamanya di dalam memilih lokasi tempat kediaman dan pusat perniagaan yang strategik. Permintaan terhadap corak guna tanah yang berselerak dan ini menjadikan perancangan bandar tidak MAMPAN dalam jangka masa panjang. Pertumbuhan bandar dinamik tidak akan berlaku dengan lebih banyak trafik dan kapasiti jalan yang tinggi. Keutamaan kepada penyediaan jalan raya tanpa mengambil kira mod pengangkutan yang lain seperti bas, basikal dan pejalan kaki di dalam sesuatu pembangunan akan meningkatkan jumlah kenderaan persendirian masuk ke pusat bandar dan menyebabkan kesesakan lalulintas.

Selaras dengan halatuju menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya berdaya huni, perancangan guna tanah akan dilaksanakan secara bersepadu dengan perancangan lalulintas dan pengangkutan bagi mencapai matlamat kemudahsampaian kepada penduduk, keselesaan dan dengan kos yang minima.

Seperti bandar raya lain yang pesat membangun, MBPJ juga tidak terkecuali berhadapan dengan masalah kesesakan lalulintas yang berlaku khususnya pada waktu puncak di pusat-pusat bandar utama seperti Seksyen 52, Mutiara Damansara, Dataran Sunway dan di beberapa buah pusat bandar yang lain.

Justeru itu, bagi memberikan keselesaan kepada penduduk dan pengguna jalanraya, selain memberi peluang kepada pemilik-pemilik tanah di sekitar Pusat Bandar Seksyen 52 memajukan tanah mereka, pihak Majlis telah mengambil inisiatif untuk menjalankan beberapa kajian lalulintas untuk mengenalpasti punca masalah dan seterusnya mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan kesesakan lalulintas yang berlaku di sekitar Petaling Jaya. Salah satu darinya adalah Projek Jalan Sehala yang melibatkan Jalan Sultan, Jalan Barat, Jalan Utara, Jalan Timur dan Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya. Sistem jalan sehala ini akan dilaksanakan secara percubaan selama 3 bulan bermula 12 Oktober 2014 sehingga 12 Januari 2015.

Projek Jalan Sehala ini melibatkan 2 Fasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Bagi kerja-kerja Fasa 1 telah bermula pada Julai 2014 hingga September 2014. Kerja-kerja di dalam Fasa 1 melibatkan pembukaan pembahagi jalan sebanyak 8 lokasi, penebangan sebanyak 38 pokok juga akan dilakukan iaitu 11 pokok di Jalan Barat, 15 pokok di Jalan Utara dan 12 pokok di Jalan Sultan, pengalihan pokok-pokok sediada sebanyak 46 pokok dari Jalan Timur serta pemasangan papan tanda isyarat sementara serta kerja-kerja mengecat jalan.

Manakala bagi kerja-kerja Fasa 2 pula, melibatkan kerja-kerja penurapan jalan, menyediakan laluan pejalan kaki, laluan basikal, pemasangan lampu jalan, pemasangan cctv, pemasangan bumbung pejalan kaki, pemasangan papan tunjuk isyarat, papan tanda arah dan mengecat jalan.

Pelaksanaan jalan sehala ini juga akan melibatkan penanaman pokok baru sebanyak 4970 batang pokok dari spesis *pokok Bungor Langkawi* sebanyak 380 batang, *pokok Kelat Paya* sebanyak 3690 batang dan *pokok menjalar* sebanyak 900 batang, Majlis berharap supaya sistem ini juga dapat menjadikan masa perjalanan lalulintas lebih lancar di sepanjang lingkaran tersebut. Majlis juga akan mengambil kira penyediaan laluan pejalan kaki secara berasingan, laluan basikal, laluan dan perhentian perkhidmatan bas awam dan juga laluan kenderaan persendirian. Kos projek yang terlibat berjumlah RM23.8 juta dan akan dibiayai menggunakan peruntukan Akaun Tabung Amanah.

Dengan pelaksanaannya, perkhidmatan pengangkutan awam di sepanjang jalan lingkaran ini akan dapat menambahbaik waktu perjalanan serta tahap kecekapan perkhidmatannya.

Beliau berharap pelaksanaan sistem jalan sehala ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan penduduk Petaling Jaya dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa.

3.3 **PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN ADUAN AWAM MBPJ**

Maklumbalas daripada pelanggan merupakan sumber penting dalam menilai keupayaan dan keberkesanan organisasi. Justeru itu, Majlis sentiasa memberi tumpuan di dalam memastikan aduan penduduk ditangani dengan segera bagi memastikan perkhidmatan yang efisien dapat disediakan untuk penduduk Petaling Jaya.

Aduan-aduan masyarakat yang diterima, khususnya daripada golongan stakeholders (pihak berkepentingan) di kawasan Petaling Jaya harus diterima dengan positif sebagai maklumbalas untuk menilai kualiti perkhidmatan yang diberikan. Semua tindakan yang diambil membuktikan kepada masyarakat bahawa MBPJ menghargai aduan sebagai maklumbalas bagi meningkatkan keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatannya.

Sistem Pengurusan Perhubungan Pelanggan (SPPP) bagi pengurusan aduan awam, mula digunakan oleh Majlis sejak tahun 2004 bagi membolehkan dan memudahkan aduan yang dibuat oleh penduduk Petaling Jaya direkod, dipantau dan diambil tindakan oleh Jabatan/ Bahagian yang terlibat.

Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan aduan awam, Majlis telah menubuhkan satu jawatankuasa bertindak (*task force*) bagi mengkaji dan memberi cadangan penambahbaikan proses pengurusan aduan awam.

Seiring itu, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) dan *Service Level Agreement* (SLA) atau Perjanjian Perkhidmatan mengikut SOP yang ditetapkan. Jawatankuasa khas tersebut di pengerusikan oleh En. Sean Oon Chong Ling (Ahli Majlis Zon 20) dan turut dianggotai oleh 3 orang lagi Ahli Majlis iaitu En. Tang Fui Koh, En. Ang Ming Ern dan En. Azizi Ariffin dan semua jabatan yang terlibat dalam pengurusan aduan awam.

Selain daripada *Standard Operating Procedure* (SOP) dan *Service Level Agreement* (SLA), jawatankuasa juga telah merekabentuk dan bersetuju untuk menggunakan pengelasan 4 tahap keseriusan aduan awam iaitu tahap KRITIKAL (KAT 1 – Tindakan segera dalam tempoh 24 jam), SEGERA (KAT 2 – Tindakan dalam tempoh 48 jam), BIASA (KAT 3 – Tindakan yang perlu diambil dalam tempoh 14 hari atau mengikut SLA jabatan) dan TIDAK KRITIKAL (KAT 4 – Tindakan mengikut SLA Jabatan masing-masing atau SLA agensi luar). Sistem ini telah dilaksanakan secara percubaan selama 3 bulan mulai 15 September hingga 15 Disember 2014.

Menurut statistik aduan awam MBPJ pada tahun 2013, jumlah keseluruhan aduan yang diterima adalah sebanyak 19,570. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15,903 aduan telah selesai dan sebanyak 3,386 aduan masih dalam tindakan.

Bermula Januari hingga Ogos 2014 pula, sebanyak 13,675 aduan telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 8,211 aduan telah selesai dan sebanyak 5,464 dalam tindakan-jabatan.

Berikut merupakan 10 jenis aduan tertinggi daripada sejumlah keseluruhan 93 jenis aduan yang diterima oleh Majlis bermula Januari hingga Ogos 2014:

Bil.	Jenis Aduan	Bilangan Aduan Diterima	Bilangan Aduan Selesai	% Selesai
1.	Sampah Kebun/Haram /Rumah /Papantanda Sampah	1986	889	45%
2.	Cantas /Tebang Pokok	1663	684	41%
3.	Longkang Tersumbat	1354	692	51%
4.	Lampu Jalan	1020	663	65%
5.	Jalan Rosak	797	471	59%
6.	Anjing Liar	524	509	97%
7.	Halangan Kenderaan, Tempat Letak Kereta, Siar Kaki	495	488	99%
8.	Kerosakan Longkang Kecil	451	30	7%
9.	Rumput Panjang Tanah Persendirian	364	153	42%
10.	Kebersihan Jalan	335	168	50%

Bagi meneruskan kesinambungan saluran aduan kepada penduduk, Majlis juga mengadakan Hari Bertemu Pelangan pada setiap hari Jumaat minggu pertama sebagai medium untuk orang ramai mengemukakan aduan terus kepada pegawai-pegawai Majlis. Di samping itu juga, mesyuarat pemantauan aduan diadakan pada hari Rabu setiap minggu untuk memantau tindakan penyelesaian aduan yang telah diambil tindakan oleh Jabatan yang berkaitan. Majlis mengambil pendekatan dan sikap terbuka dan prihatin terhadap permasalahan masyarakat yang berkaitan dengan perkhidmatan Majlis. Setiap aduan, teguran-teguran dan cadangan-cadangan daripada orang awam dilihat sebagai satu proses memberi maklumbalas yang membina, positif dan ke arah penambahbaikan.

Beliau berharap supaya orang ramai dapat menyalurkan aduan menggunakan saluran yang betul dan kepada organisasi atau pihak berkuasa yang betul. Orang ramai boleh mengemukakan aduan perkhidmatan MBPJ di talian hotline Majlis 03-79542020, emel-aduan@mbpj.gov.my, laman web www.mbpj.gov.my, sistem pesanan ringkas (SMS) ke 33213 atau faksikan ke talian 03-79551804.

PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

Fenomena kemiskinan sama ada di desa maupun di bandar adalah lumrah kehidupan. Kita tidak seharusnya pasrah tetapi berusaha keras untuk meningkatkan taraf ekonomi dan kehidupan walau di mana kita berada.

Hasil Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2012 (PPIR 2012) mendapati bahawa Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata di Malaysia meningkat 7.2% setahun, daripada RM4,025 pada tahun 2009 kepada RM5,000 pada tahun 2012. Pendapatan isi rumah di bandar meningkat pada kadar 6.6% setahun iaitu daripada RM4,705 pada 2009 kepada RM5,742 pada 2012 manakala di luar bandar meningkat pada kadar 6.4% setahun daripada RM2,545 pada 2009 kepada RM3,080 pada 2012.

Pada tempoh 2009-2012, peningkatan pendapatan bulanan isi rumah purata yang tinggi dengan kadar inflasi yang rendah telah menghasilkan kesan yang signifikan kepada pengurangan insiden kemiskinan. Insiden kemiskinan keseluruhan di Malaysia telah berkurangan dengan ketara daripada 3.8% pada 2009 kepada 1.7% pada 2012. Jumlah isi rumah miskin telah berkurang sebanyak 52.7%, iaitu daripada 228,400 kepada 108,000 bagi tempoh yang sama.

Pengurangan insiden kemiskinan adalah menyeluruh meliputi bandar dan luar bandar. Insiden kemiskinan di bandar telah berkurangan daripada 1.7% pada 2009 kepada 1% pada 2012, sementara bagi luar bandar ia telah menurun daripada 8.4% pada 2009 kepada 3.4% pada tahun 2012.

Insiden kemiskinan mengikut negeri juga menunjukkan pengurangan yang signifikan. Negeri Selangor turut menunjukkan penurunan. Pada tahun 2009, 0.7% insiden kemiskinan dicatatkan dan telah menurun kepada 0.4% pada 2012. Kadar kemiskinan di Negeri Selangor telah ditetapkan dalam lingkungan pendapatan RM1,500 ke bawah. Kategori miskin dapat dibahagikan kepada 3 jenis iaitu miskin tegar yang berpendapatan kurang RM420, miskin relatif berpendapatan RM421 hingga RM740 manakala kategori miskin berpendapatan RM741 hingga RM1,500.

Berdasarkan statistik MBPJ, di Petaling Jaya terdapat sebanyak 347 keluarga miskin di Petaling Jaya yang telah berdaftar dengan Majlis di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) sehingga September 2014. Daripada jumlah tersebut 101 keluarga tergolong dalam miskin tegar, 97 miskin relatif dan 149 keluarga dalam kategori miskin.

Dalam menangani masalah kemiskinan bandar ini, program-program yang dilaksanakan berteraskan matlamat-matlamat untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin bandar, meningkatkan ilmu pengetahuan, taraf pendidikan dan kemahiran anggota kumpulan sasar. Ini dilakukan agar mereka dapat terus bersaing dan terus maju dalam kehidupan bandar, mewujudkan dan mengembangkan peluang pekerjaan di kalangan golongan miskin bandar dan meningkatkan kualiti hidup dan kegiatan kemasyarakatan di kalangan penduduk miskin bandar.

Menyedari situasi ini, Majlis telah merangka pelbagai program dan inisiatif membela nasib golongan miskin bandar ini. Program khas dirangka dengan menyediakan latihan-latihan kemahiran untuk menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bisnes kecil-kecilan bagi menyara kehidupan.

Antara bengkel kemahiran yang dilaksanakan ialah bengkel jahitan, sulaman manik, bengkel kek dan hiasan, urutan refleksologi, gunting rambut dan kemahiran komputer. Pelaksanaan bengkel kemahiran ini mendapat kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Amanah Rakyat, Lembaga Zakat Selangor dan pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO).

3.5 PENGURUSAN KEBERSIHAN TANDAS AWAM

Menurut Pertubuhan Tandas Dunia (WTO), secara puratanya seseorang akan menggunakan tandas sebanyak 2,500 kali setahun atau dari enam hingga lapan kali sehari. Menurut mereka, masalah kebersihan tandas adalah masalah yang menyeluruh di mana separuh daripada penduduk dunia tidak mempunyai sistem sanitasi yang baik dan ada juga tandas yang tidak mempunyai rekabentuk yang sesuai. Dianggarkan sebanyak 2,000 kanak-kanak mati dalam sehari akibat jangkitan cirit-birit dan wabak berjangkit ekoran daripada sistem sanitasi yang teruk.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisyiharkan tarikh 19 November sebagai Hari Tandas Sedunia pada Julai 2013 lalu di New York, Amerika Syarikat. Hal ini merupakan usaha murni pertubuhan itu untuk memupuk kesedaran di peringkat global, mengenai budaya tandas yang bersih.

Rakyat negara Jepun merupakan contoh terbaik bagaimana mereka menjaga kebersihan tandas. Bagi mereka, tidak kira betapa maju dan moden negara tersebut jika lau kebersihan dan penjagaan tandas awam tidak mencapai tahap memuaskan, maka negara berkenaan akan masih dianggap 'mundur'.

Usaha kerajaan dalam memberi penekanan terhadap kebersihan tandas di negara ini telah bermula sejak 1994 dengan mengadakan Kempen Tandas Bersih. Bagi merealisasikan kempen ini, kerajaan telah melaksanakan program-program kursus dan latihan serta pengurusan tandas-tandas awam, anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Usaha ini dimantapkan lagi, dengan pelaksanaan Garis Panduan *Star Rating Kebersihan Tandas Kegunaan Awam di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan*, pada tahun 2012, dalam meningkatkan kesedaran serta reaksi positif masyarakat, terhadap penjagaan tandas awam di Malaysia.

Tinjauan audit telah dilakukan terhadap 10,257 tandas-tandas awam, di kawasan seliaan PBT, pada enam bulan pertama tahun 2013. Tinjauan berkenaan mendapati hanya 39% tandas berjaya mencapai penarafan 5, 4 dan 3 bintang, dengan yang lain-lain hanya sekadar mampu mencapai taraf 2 bintang ke bawah. Hanya 3.41% bersamaan 350 tandas awam mencapai status 5 bintang.

Sehubungan itu, adalah menjadi cabaran kepada MBPJ dalam menaik taraf fasiliti dan kebersihan tandas awam agar sentiasa kelihatan bersih, teratur, ruang yang bersesuaian dan diselenggara dengan baik. Mengikut perancangan, pihak Majlis akan menaiktaraf 10 buah tandas awam di sekitar Petaling Jaya agar menepati syarat kebersihan dan kemudahan yang sesuai agar dapat digunakan oleh orang ramai dengan selesa. Majlis akan sentiasa berusaha merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan sifar tandas kotor di Malaysia.

3.6 **OPERASI ‘OPS MEGA’ BERJAYA KAWAL WABAK DENGGI**

Operasi Ops Mega bagi memerangi wabak denggi yang dilaksanakan sepanjang Ogos dan September terbukti membawa hasil, apabila statistik mencatatkan penurunan sebanyak 39.5 peratus untuk kes denggi dalam tempoh dua bulan itu. Pada Ogos lalu, sebanyak 649 kes telah dilaporkan dan ia turun kepada 257 pada bulan ini.

Biarpun keputusan statistik ini memberangsangkan dan terendah dicatatkan untuk tahun ini, Majlis akan sentiasa meneruskan usaha agar wabak denggi di Petaling Jaya dapat dikawal. Jabatan Kesihatan Persekutuan telah diminta untuk melipatgandakan pemeriksaan tapak dan premis serta bertindak pantas dengan mengambil kira kemungkinan kes sebelum keadaan menjadi lebih serius.

Majlis telah dan akan terus menggiatkan pelbagai kaedah kawalan dan pencegahan dari peringkat akar umbi antaranya menghapuskan pembiakan denggi di kawasan hotspot, kempen kesihatan di peringkat sekolah rendah dan menengah, aktiviti *Larvicing* (membunuh jentik-jentik), serta mengadakan gotong royong bersama NGO (Badan Bukan Kerajaan) dan masyarakat setempat. Dalam masa yang sama, beliau menyeru setiap penduduk bekerjasama menjaga kebersihan di kediaman dan premis masing-masing secara berterusan.

3.7 KEMPEN KESEDARAN KESIHATAN – GAYA HIDUP SIHAT

Amalan cara hidup sihat dapat meningkatkan keadaan kesihatan kita, mengurangkan risiko menghidap penyakit kronik seperti serangan jantung, strok, kanser mahu pun tekanan darah tinggi. Amalan cara hidup sihat akan membolehkan rakyat memiliki stamina dan keupayaan yang lebih baik untuk menikmati kehidupan. Untuk mencapai matlamat cara hidup sihat, 4 tingkahlaku asas kesihatan perlu diamalkan setiap masa seperti berikut:

- Makan secara sihat
- Melakukan aktiviti fizikal yang mencukupi
- Menangani tekanan atau stress secara bijak
- Tidak merokok

Kempen Cara Hidup Sihat bertujuan untuk mempromosikan kesihatan serta meningkatkan usaha untuk mencegah penyakit-penyakit berkaitan dengan amalan cara hidup yang tidak sihat. Kempen ini merupakan pendekatan pihak kerajaan ke arah peningkatan taraf kesihatan rakyat dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti dan kualiti kehidupan. Secara tidak langsung kempen ini boleh menyumbang kepada pengurangan kejadian penyakit-penyakit dan menjimatkan kos perubatan.

Menurut Tinjauan Kesihatan hanya 30.9% daripada rakyat kita yang berumur 18 tahun ke atas didapati bersenam dan cuma 11.6% sahaja yang bersenam dengan secukupnya. Manakala sebanyak 70% daripada rakyat kita tidak pernah bersenam terutama di kalangan wanita. Trend yang tidak sihat ini menyebabkan ramai rakyat Malaysia mengalami masalah obesiti dan lebih berat badan serta menghidap penyakit-penyakit kronik yang serius.

Apa yang lebih membimbangkan amalan cara hidup yang tidak sihat di kalangan remaja kita semakin berleluasa dengan semakin ramai di antara mereka didapati menghisap rokok, meminum arak dan menagih dadah. Jika trend ini tidak diperbetulkan, sudah tentu kualiti dan produktiviti rakyat kita, terutama di kalangan pemuda-pemudi akan menurun dari semasa ke semasa.

Berdasarkan situasi itu, Majlis menghargai dan sangat menggalakkan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan institusi pendidikan seperti kolej-kolej swasta yang menganjurkan kempen kesedaran kesihatan dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang bermanfaat seperti ceramah penjagaan kesihatan, pemeriksaan mammogram, imbasan ultra sound, pemeriksaan mata dan pemeriksaan kesihatan am (tekanan darah, glukos dan berat badan seimbang). Selain itu, Majlis juga memberi sokongan kepada penganjuran kempen kitar semula dan alam sekitar.

Adalah diharapkan program kesihatan seperti ini juga akan membantu mempromosikan amalan cara hidup sihat dan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kesihatan ahli-ahli keluarga dan diri sendiri.

Jelasnya, kesihatan adalah harta kita yang paling bernilai, tanpa kesihatan, kehidupan kita seolah-olah tidak bermakna lagi dan juga akan mengalami banyak kesengsaraan. Mudah-mudahan, usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan serta institusi pendidikan akan membantu untuk membina sebuah negara yang rakyatnya kuat dan sihat.

3.8 OPERASI PUSAT SIBER KAFE

Pihak Majlis giat melaksanakan operasi pusat siber dan kafe siber tanpa lesen. Bermula Januari sehingga September 2014 sebanyak 811 serbuan telah berjaya dilaksanakan. Sebanyak 35 tindakan kompaun dan sebanyak 719 sitaan yang melibatkan premis telah dibuat.

Sebanyak 12,060 monitor dan 11,040 CPU telah di sita dan nilaiannya (anggaran) melebihi RM 4.6 juta. Operasi bersepadu melibatkan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), dan Jabatan Imigresen melibatkan seramai 127 tangkapan telah dibuat di atas pelbagai kesalahan.

Operasi yang dijalankan adalah secara berterusan dan konsisten di bawah Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBPJ) 2007 dan boleh dikenakan kompaun minimum RM1,000.00 dan maksimum RM 2,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

3.9 **OPERASI HALANGAN**

Pihak Majlis telah melaksanakan operasi dan tindakan penguatkuasaan ke atas peniaga-peniaga yang membuat halangan petak dan siarkaki di seluruh kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Sepanjang bulan Januari hingga September 2014 tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan sebanyak 308 sitaan telah dibuat dan 2,660 kompaun telah dikeluarkan. Tindakan penguatkuasaan akan diteruskan bagi memastikan tahap pematuhan undang-undang oleh peniaga-peniaga.

Beliau bersama-sama Ahli-ahli Majlis dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Dato' Menteri Besar Selangor, YB. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim di atas sokongan yang telah diberikan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan mengucapkan tahniah kepada YAB Tuan Mohamed Azmin Ali di atas pelantikan sebagai Dato' Menteri Besar Selangor yang baharu.

4.0 **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 7 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 7 Tahun 2014 bertarikh 29 Ogos 2014 telah diluluskan tanpa pindaan.

SULIT**5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 7 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 OGOS 2014.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
3.0	<p>LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 6 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 27 JULAI 2014</p> <p>PERKARA 7.5.1</p> <ul style="list-style-type: none">- Status pembinaan jalanraya di belakang sekolah yang sepatutnya siap pada 15hb Ogos. <p>PERKARA 7.4</p> <ul style="list-style-type: none">- Status kerja-kerja pembaikan semula longkang di Seksyen 18/3A.- Keadaan longkang yang teruk di Seksyen 10.	<p>Status kerja di tapak sehingga 23 September 2014 adalah 97% siap. Secara keseluruhan kerja-kerja di tapak dijangka akan disiapkan sebelum 30 September 2014.</p> <p>Kerja-kerja pembaikan semula longkang di Seksyen 18/3A telah selesai dijalankan.</p> <p>Kerosakan longkang dan tembok di Seksyen 10 (belakang Restoran Satelite Jalan Gasing) adalah disebabkan oleh lori sampah yang lalu di jalan tersebut. Jalan yang sempit menyebabkan lori sampah kadangkala lalu di atas tebing longkang dan mengakibatkan longkang pecah.</p> <p>Kerosakan longkang telah dibaiki dan siap pada 3 September 2014.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	PERKARA 7.12 <ul style="list-style-type: none">- Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony memohon agar salib-salib yang patah diperbaiki.	<p>Peruntukan Akta Kerajaan Tempatan khususnya memberi kuasa kepada pihak Majlis berkenaan pengisuan permit kubur dan menyelenggarakan tanah perkuburan dari segi kebersihan dan lain-lain.</p> <p>Pihak waris perlulah bertanggungjawab terhadap apa-apa binaan yang telah dibina mahupun yang akan dibina di atas kubur milik waris kerana ia adalah milik persendirian. Pihak Majlis hanya bertanggungjawab menyelenggara kawasan persekitaran dan bukan lot tanah perkuburan.</p>
7.5	PERKARA DIBANGKITKAN PUAN SIA SIEW CHIN <ul style="list-style-type: none">- Status projek MARRIS di Jalan SS 23/21 dan SS 23/23.	Projek MARRIS penurapan jalan di jalan-jalan sekitar SS 23 dalam proses pelaksanaan di tapak. Kerja-kerja menurap Jalan di SS 23/21 telah dibuat pada 23 September 2014 dan di Jalan SS 23/23 telah dibuat pada 24 September 2014.

SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<ul style="list-style-type: none">- Isu TNB yang membuat kerja-kerja di Jalan Mas, Taman Mas pada waktu malam dan menganggu penduduk. Beliau melihat jalan ini bukanlah jalan utama.	<p>Lokasi kerja-kerja TNB adalah melibatkan jalan utama. Bagi jalan-jalan utama kerja-kerja perlu dilakukan pada waktu malam. Jika kerja-kerja dijalankan pada waktu siang akan mengakibatkan kesesakan jalan yang teruk.</p> <p>Kebenaran kerja bagi jalan-jalan utama mengikut syarat permit adalah dari 10.00 malam – 6.00 pagi.</p>
7.6	<p>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAYUDDIN</p> <ul style="list-style-type: none">- <u>Perkhidmatan Bas Pecuma</u> Hasil penelitian beliau mendapati penumpang bas percuma adalah terdiri dikalangan bukan warganegara Malaysia.- Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan perkara ini sedang dalam kajian tiga (3) bulan. Selepas tiga (3) bulan perkhidmatan satu laporan akan dibentangkan untuk penambahbaikan.	<p>Jabatan Kejuruteraan tidak dapat mengenalpasti jumlah penumpang bukan warganegara Malaysia yang menaiki PJ City Bus dengan sistem yang sedia ada.</p> <p>Buat masa ini, pihak Jabatan masih lagi meneruskan kajian dari segi keberkesanan laluan dan juga meningkatkan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas tersebut.</p>



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.7	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YM PUAN RAJA FAIRUZ BIN RAJA MAZLAN. <ul style="list-style-type: none">- Beliau berharap agar terdapat 'back up' kontraktor bagi tujuan kutipan sampah pukal memandangkan kontraktor sedia ada telah berhenti.	Mulai September 2014, Majlis telah mengarahkan kontraktor panel 'back-up' untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan yang mana kontraktor sedia ada telah menarik diri daripada menjalankan kerja di tapak sementara menunggu pelantikan kontraktor yang baru dibuat.
7.8	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH <ul style="list-style-type: none">- Beliau meminta agar data berkaitan keberkesanan pelaksanaan CCTV. Pengarah, Jabatan Penguatkuasa memaklumkan bahawa perkara ini dibincangkan di dalam Mesyuarat Bandar Selamat dan akan mengemukakan data sebagaimana diminta.	Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan telah membentangkan laporan pemantauan CCTV sebagai agenda tetap di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat Majlis. Di samping itu, pihak Jabatan telah menghantar salinan laporan pemantauan kepada semua Ahli Majlis pada 15 September 2014 seperti yang dipohon. Kesinambungan daripada itu laporan ini juga akan dihantar kepada semua Ahli Majlis pada setiap bulan.



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.9.3	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L T. ANTHONY <ul style="list-style-type: none">- Berkaitan kerja-kerja oleh kontraktor, beliau berharap agar pekerja 'contract for service' dilantik memandangkan tahap disiplin yang tinggi.	Perkara kesesuaian penyediaan perkhidmatan bandar oleh Majlis dengan pengambilan kakitangan 'contract for service' sedang dikaji di bawah penyediaan model pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam Majlis.
7.11	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH <ul style="list-style-type: none">- Beliau berharap agar, sebelum 'boom gate' dibina, Majlis hendaklah memaklumkan perkara ini kepada Ahli Majlis.	Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan dan Pembangunan Mampan Bil.3/2012 telah memutuskan supaya satu lawatan tapak bersama ADUN, Ahli Majlis Kawasan, PDRM, Bomba, JPJ, PTD dan lain-lain jabatan teknikal Majlis perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum mana-mana Permohonan Bagi Penubuhan Komuniti Berpengawal (<i>Guarded Community</i>) Di Petaling Jaya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat untuk kelulusan.



SULIT

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Selaras dengan keputusan tersebut, satu lawatan tapak ke kawasan-kawasan yang terlibat akan dilaksanakan terlebih dahulu bersama-sama Ahli Majlis Kawasan sebelum sebarang pertimbangan dan kelulusan bagi penubuhan Komuniti Berpengawal (<i>Guarded Community</i>) diberikan. Prosedur tersebut masih digunakan dan diamalkan di peringkat Majlis sehingga kini.</p>

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 3 SEPTEMBER 2014, 9 SEPTEMBER 2014 DAN 25 SEPTEMBER 2014.**

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (53)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (56)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (59)]

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 8 SEPTEMBER 2014 DAN 22 SEPTEMBER 2014.

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (41)]

[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (43)]

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.



- 6.2.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan cadangan Encik Tang Fuie Koh berkaitan perkara 4.7 di muka surat 45 bagi Mesyuarat Jawatankuasa OSC 1 bertarikh 8 September 2014 agar kelulusan dengan syarat mematuhi zon rekreasi dan zon hiburan.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.

- 6.2.3 Beliau turut memaklumkan bagi Mesyuarat Jawatankuasa OSC 2 bertarikh 22 September 2014 perkara 8.5 di muka surat 109, penangguhan adalah disebabkan jabatan perlu membuat lawatan tapak dan membuat sesi perjumpaan dengan MRT sebelum Mesyuarat Jawatankuasa OSC bermesyuarat pada bulan Oktober 2014.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.

- 6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 9 SEPTEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (99)]**

- 6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

- 6.4 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (35)]**

- 6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ.

- 6.4.2 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan isu 5.3.2 di muka surat 14 di mana Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud berharap agar perkara ini tidak akan berulang semula. Menurut beliau lagi pegawai atau kakitangan Majlis hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa atau Mesyuarat Majlis berkaitan apa-apa tindakan atau keputusan yang hendak dibuat walaupun ianya adalah arahan bertulis atau lisan sama ada daripada EXCO ataupun ADUN.

Tindakan : Semua warga kerja, MBPJ.



**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 11 SEPTEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (118)]**

- 6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.
- 6.5.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan permintaan untuk membuat Mesyuarat Khas berkaitan laporan siasatan berkaitan Perintah Mahkamah bertarikh 28 Februari 2013 antara Tetuan Laguna De Bay Sdn. Bhd. Dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Selain daripada itu permohonan Ahli Majlis sebagaimana yang dibangkitkan oleh Puan Cynthia Gabriel untuk mendapatkan laporan berkaitan kes ini di mana laporan masih belum diperolehi.

Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.

- 6.5.3 YBhg. Datin Paduka Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa terdapat dua (2) mesyuarat khas yang dipohon oleh Ahli Majlis masih belum dapat dipenuhi iaitu Mesyuarat Khas berkaitan Laguna dan Mesyuarat Khas berkaitan Penstruktur Organisasi. Walaubagaimanapun Majlis akan mengaturkan mesyuarat tersebut dan akan memaklumkannya kepada Ahli Majlis.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 11 SEPTEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (53)]**

- 6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 12 SEPTEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (13)]**

- 6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

SULIT

6.8

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 19 SEPTEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (13)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

6.9

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 22 SEPTEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (16)]**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

6.10

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 23 SEPTEMBER 2014.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (83)]**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR LEE SUET SEN

7.1.1 Secara keseluruhannya beliau nampak senario masalah di Petaling Jaya adalah berkaitan dengan masalah denggi, sampah haram dan banner haram. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar diwujudkan 'task force' bagi memantau dan mengambil tindakan ke atas ketiga-tiga masalah di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ,
Timbalan Pengarah (Pelesenan), MBPJ.**



- 7.1.2 YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa satu jabatan/bahagian yang diketuai oleh Encik Lee Lih Shyan akan menguruskan masalah sampah dan dijangka masalah ini akan berkurangan pada bulan Disember ini.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

- 7.1.3 YBhg. Datin Paduka Pengerusi turut memaklumkan bahawa hasil pemerhatian beliau di SS3 di dapati orang awam membuang sampah di tepi tong sampah berwarna hijau yang disediakan. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar Ahli-Ahli Majlis memberikan sokongan penuh ke atas projek perintis yang diketuai oleh Encik Lee Lih Shyan.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL

- 7.2.1 Beliau bertanyakan status idea-idea yang dibangkitkan oleh orang awam semasa pembentangan bajet bersama NGO terutama yang berkaitan dengan pemantauan kontraktor yang terlalu teruk. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar keputusan ini dimaklumkan kepada Ahli Majlis atau jawatankuasa mesyuarat.

- 7.2.2 Selain daripada itu penduduk turut mengemukakan pertanyaan mengapa Jabatan Kejuruteraan tidak mengemukakan peruntukan bajet bagi pemantauan projek-projek oleh kontraktor yang dilantik.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH

- 7.3.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada MBPJ kerana sebelum gerai di Jalan Meranti Seri Damansara, dirobohkan Majlis telah menyediakan penempatan baru. Akan tetapi beliau berharap agar proses perpindahan disegerakan.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan
Pembangunan, MBPJ.**

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK HALIMEY BIN ABU BAKAR

7.4.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kesihatan dan Persekutuan di atas kerjasama menjayakan program gotong royong bersama Kementerian Kesihatan. Selain daripada itu, beliau berharap agar Jabatan Kesihatan Persekutuan membuat pemantauan ke atas restoran-restoran bagi mengawal pembedakan nyamuk Aedes yang menyebabkan demam Denggi.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekutuan, MBPJ.

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN

7.5.1 Beliau memaklumkan bahawa beliau telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis selama 7 bulan iaitu sejak bulan Februari 2014. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Ahli Majlis, beliau banyak bergantung kepada orang lain untuk membawa beliau ke pejabat MBPJ bagi tujuan bermesyuarat dan lain-lain aktiviti. Kadang-kadang beliau datang lewat ke mesyuarat sekiranya orang yang membantu beliau mempunyai aktiviti lain.

Menurut beliau lagi sebenarnya beliau boleh berdikari sendiri sekiranya persiaran kaki mesra OKU dan tiada halangan serta perkhidmatan bas percuma sampai ke SS2. Menurut beliau hasil penelitian didapati kebanyakkan OKU adalah dari kawasan SS2 dan mereka boleh berdikari sendiri sekiranya kemudahan seperti bas percuma sampai kepada mereka.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAYUDDIN

7.6.1 Beliau memaklumkan bahawa di zon pemantauan beliau terdapat banyak rumah flat di mana taman-taman perumahan tidak diselenggarakan memandangkan kawasan tersebut belum diserahkan oleh pemaju kepada MBPJ. Aduan telah kerap kali dikemukakan akan tetapi jawapan tetap sama. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar perkara ini diambil tindakan oleh MBPJ demi kepentingan penduduk terutama kanak-kanak yang perlukan tempat selamat untuk bermain.

Mesyuarat memutuskan agar jabatan berkaitan membaiki taman-taman permainan ini dengan kadar segera demi kepentingan komuniti walaupun pemaju belum menyerahkan kawasan tersebut kepada majlis.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.

- 7.6.2 Berkaitan isu tapak pembuangan sampah haram di PJS yang telah disiarkan di dalam akhbar Malaysia Kini, beliau berharap agar perkara ini dapat diselesaikan segera. Selain daripada itu beliau berpendapat bahawa pasu yang diletakkan di kawasan tersebut adalah tidak bersesuaian kerana pasu itu dijadikan tong sampah oleh orang awam.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN DR. STRERAM A/L SINNASAMY

- 7.7.1 Beliau membangkitkan keadaan pasar di Seksyen 14 yang terlalu teruk di mana kerusi dan meja patah dan tidak terurus. Dimaklumkan juga bahawa MBPJ akan memperbaiki kerosakan di pasar tersebut pada bulan ramadhan lepas, akan tetapi keadaan masih tidak berubah. Beliau berharap agar tindakan segera diambil oleh jabatan berkaitan.

Sehubungan dengan itu, Pengarah Jabatan Kejuruteraan diminta untuk berbincang dengan peniaga di situ bagi tujuan di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

- 7.7.2 Bagi menceriakan kawasan Seksyen 14, beliau turut mencadangkan agar gerai-gerai menjual barang kraftangan atau barang kering dibuka di luar kawasan pasar setiap hari sabtu dan ahad.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING

7.8.1 Beliau mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan serta Jabatan Kesihatan Persekutuan kerana hasil operasi yang dijalankan di pasar Sungai Way, tiada lagi halangan ditangga pasar dan tiada lagi motorsikal masuk ke dalam kawasan pasar.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ,
Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekutuan, MBPJ.**

7.8.2 Beliau turut membangkitkan isu bazar deepavali di Sungai Way di mana jawatankuasa teknikal telah meluluskan 18 gerai berukuran 10' x 10' di sepanjang jalan tersebut. Seramai 10 orang peniaga telah bermula di gerai tersebut dan terdapat 8 kekosongan. Masalah yang timbul apabila 5 orang peniaga telah membuka gerai di jalan bertentangan yang menimbulkan kesesakan lalulintas di kawasan tersebut. Gerai-gerai yang didirikan ada yang berukuran 15' x 20'.

7.8.3 Encik Suriase memohon agar kebenaran diberikan kepada peniaga tersebut memandangkan gerai tersebut hanya untuk tempoh sebulan dan perayaan deepavali hampir tiba. Ia akan menimbulkan kemarahan peniaga sekiranya MBPJ bertindak ke atas mereka. Sekiranya MBPJ ingin mengambil tindakan penguatkuasaan ia hendaklah dibuat pada tahun hadapan sebagaimana persetujuan beliau di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal.

7.8.4 Perkara ini turut disokong oleh Tuan Dr. Streram a/l Sinnasamy dan Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony di mana beranggapan keputusan hendaklah dibuat tahun hadapan memandangkan perayaan depavali hampir tiba.

7.8.5 Encik Oon Chong Ling tidak bersetuju dengan cadangan tersebut memandangkan beliau adalah ahli majlis di kawasan tersebut dan penduduk mengadukan masalah kesesakan lalulintas ini kepada beliau.

7.8.6 Menurut Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud, prosedur yang telah ditetapkan hendaklah diikuti demi kebaikan jangka masa panjang dan tidak menimbulkan kesusahan kepada penduduk yang terpaksa menghadapi kesesakan lalulintas setiap hari. Sekiranya prosedur membenarkan ianya dibolehkan dan sekiranya sebaliknya, tindakan penguatkuasaan hendaklah diambil ke atas peniaga tersebut.

Tindakan : Timbalan Pengarah , Bahagian Pelesenan, MBPJ.

7.9 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YM. PUAN RAJA FAIRUZ BINTI RAJA MAZLAN

7.9.1 Beliau bersetuju dengan projek perintis yang diketuai oleh Encik Lee Lih Shyan berkaitan kebersihan di kawasan-kawasan Petaling Jaya. Akan tetapi beliau beranggapan projek itu hendaklah dimulakan di PJS yang merupakan lubuk sampah dan di kawasan pemantauan Encik Halimey bin Abu Bakar.

Tindakan : Ketua, Unit OSC, MBPJ.

7.10 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH

7.10.1 Beliau mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Adha dan Selamat menunaikan Ibadah Korban.

Tindakan : Makluman.

7.11 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L T. ANTHONY

7.11.1 Beliau melahirkan rasa kecewa kerana Majlis tidak dapat memperbaiki kerosakan salib akibat vandalisme. Kerosakan ini adalah disebabkan kawasan tersebut tidak berpagar pada masa kejadian.

7.11.2 Sehubungan dengan itu, mesyuarat meluluskan agar salib-salib yang pecah dan patah dibaiki dengan menggunakan peruntukan sosial Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kemasyarakatan, MBPJ. Pembangunan

7.12 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

- 7.12.1 Beliau bersetuju dengan pandangan Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony berkaitan membaikpulih kerosakan salib akibat vandalisma di tanah perkuburan kristian. Menurut beliau lagi, perkara ini merupakan kerja-kerja sosial yang perlu dilakukan oleh Majlis demi kebajikan penduduk Petaling Jaya.
- 7.12.2 Beliau turut mengulas perutusan daripada YBhg. Datin Paduka Pengerusi berkaitan pembasmian kemiskinan bandar. Beliau berharap agar majlis membuat bancian yang tepat dalam usaha menangani dan membantu miskin bandar.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kemasyarakatan, MBPJ. Pembangunan

- 7.12.3 Berkaitan kempen kesedaran kesihatan – gaya hidup sihat sebagaimana peruntusan YBhg. Datin Paduka Pengerusi beliau mencadangkan agar garam, gula dan serbuk perasa diasingkan semasa penyediaan jamuan untuk mesyuarat majlis dan lain-lain mesyuarat.

Tindakan : Timbalan Setiausaha, MBPJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.39 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



(PUASA BIN MD TAIB),
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 8 Oktober 2014

HADIR:

- | | | | |
|-----|---|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ. | - | Pengerusi |
| 02. | Tuan Puasa bin Md. Taib,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ. | | |
| 03. | Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 04. | Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 05. | Encik Tang Fuie Koh,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 06. | Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 07. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 08. | Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 09. | Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 10. | Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 11. | Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 12. | Encik Teh Chi-Chang,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 13. | Encik Oon Chong Ling,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 14. | Encik Ang Ming Ern,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |



SULIT

15. Tuan Dr. Streram a/l Sinnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Halimey bin Abu Bakar,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Azizi bin Ariffin,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Sia Siew Sin,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Encik Mahharul bin Ismail, (*dengan maaf*)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Encik Zain Azly bin Abdul Rahman,
Wakil Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.



SULIT

08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Puan Norzita binti Mokhtar,
Wakil Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Puan Norlinda binti Che Nuh,
Wakil Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
20. Puan Saliza binti Mohd. Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
21. Tuan Haji Ahmad Johari bin Haji Salleh,
Penolong Pengarah Kanan (Korporat),
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.



SULIT**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ho Fook Chuan,
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.
03. Encik Peter Chong,
Wakil Ahli Parlimen Subang.
04. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.
05. Encik Venayagamurthiy a/l Arumugam,
Wakil ADUN Seri Setia.
06. Y.B Puan Yeo Bee Yin,
ADUN Damansara Utama.

URUSETIA:

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

